

NO. SOALAN : 240

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]**

SOALAN : 240

YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah rumah PR1MA yang telah siap dibina dan diserahkan kunci kepada pemilik dari penubuhan PR1MA hingga Jun 2017. Nyatakan mengikut negeri.

116

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak penubuhan PR1MA pada tahun 2013 sehingga kini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 261,248 unit kediaman yang terdiri daripada 248 buah projek untuk dibina di seluruh negara. Pada masa ini sebanyak 141,661 unit kediaman (134 projek) sedang dalam fasa pembinaan di seluruh negara.

Alhamdulillah kini sebanyak 10,199 unit kediaman telah pun siap dibina iaitu di negeri Kedah, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur, Johor dan Perak. Jumlah ini adalah mengikut perancangan dan dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

SOALAN : 241

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- a) sama ada Malaysia akan mengharamkan penjualan semua kereta dan van diesel dan petrol mulai tahun 2040 seperti dirancang oleh Kerajaan UK; dan
- b) sama ada kereta elektrik dengan pelepasan ekzos sifar akan dikecualikan daripada membayar cukai jalan dan sama ada kereta dengan pelepasan ekzos tinggi akan dikenakan cukai jalan yang lebih tinggi.

118

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Setakat ini, pihak kerajaan belum mempunyai perancangan untuk mengharamkan penjualan kereta diesel dan petrol mulai 2040 seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan United Kingdom. Pelaksanaan perkara ini perlulah dikaji secara terperinci terlebih dahulu kerana ia melibatkan kepentingan dan kebajikan rakyat.

Berkenaan dengan kadar cukai jalan yang lebih tinggi kepada kenderaan yang mempunyai pelepasan asap yang lebih tinggi, perkara ini masih dalam kajian pihak Kementerian Pengangkutan. Namun pelbagai insentif lain telah diberikan oleh pihak kerajaan bagi menggalakkan penggunaan kenderaan hibrid dan kenderaan elektrik seperti pengecualian duti import dan duti eksais yang telah dilaksanakan di bawah *National Automotive Policy 2014*.

RT19/242

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN BERTULIS : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
DARIPADA****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS****Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:**

- (a) jumlah wang dibelanjakan dan langkah yang diambil untuk meningkatkan taraf Bahasa Inggeris di negara ini; dan
- (b) apakah bukti bahawa taraf Bahasa Inggeris telah bertambah baik dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan bilakah Kementerian akan melaksanakan syarat wajib lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam peperiksaan UPSR dan SPM.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Peruntukan tahun 2017 untuk Inisiatif Bahasa Inggeris ialah seperti berikut:
 - i. *Highly Immersive Programme (HIP)* - (RM8,643,110.00) untuk pelaksanaan program di 5,500 sekolah.
 - ii. Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS) – (RM825,350.00) untuk pelaksanaan program di 1,191 sekolah *hotspot*.
 - iii. *Professional Upskilling of English Language Teachers (Pro-ELT)* –

- (RM1,127,740.00) untuk melatih 650 guru bahasa Inggeris (3 fasa).
- iv. *Dual Language Programme* (DLP) – (RM20,357,950) untuk pelaksanaan program di 1,215 sekolah DLP.
 - v. Usaha sama dengan *Cambridge English* (CE) yang merupakan sebahagian daripada *Cambridge University, United Kingdom* untuk meningkatkan penguasaan BI di Malaysia kos sebanyak RM25.3 juta.
- b) Bukti taraf Bahasa Inggeris telah bertambah baik boleh dilihat melalui peratus kelulusan yang semakin baik dalam peperiksaan UPSR dan SPM. Pada tahun 2012, peratus calon lulus Bahasa Inggeris Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ialah 77.1%, manakala pada tahun 2013 peratus lulus ialah 80.0% meningkat sebanyak 2.9%. Pada tahun 2014 pula, peratus calon lulus Bahasa Inggeris SPM ialah 77.3%, manakala tahun 2015 ialah 76.3% dan pada tahun 2016 peratus calon lulus Bahasa Inggeris ialah 79.4% meningkat sebanyak 3.1% berbanding tahun 2015.

Untuk peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pula, peratus calon lulus Bahasa Inggeris untuk Sekolah Kebangsaan (SK) pada tahun 2012 ialah 77.3%, manakala pada tahun 2013 peratus lulus ialah 74.4%. Pada tahun 2014, peratus calon lulus Bahasa Inggeris UPSR ialah 79.3%, meningkat sebanyak 4.9%. Bagi tahun 2015 peratus calon lulus Bahasa Inggeris SK ialah 77.6%. Manakala, pada tahun 2016 peratus calon lulus Bahasa Inggeris yang mencapai Tahap 'Cemerlang' hingga 'mencapai tahap minimum' ialah 82.6% bagi Bahasa Inggeris Pemahaman dan 77.1% bagi Bahasa Inggeris Penulisan.

Peratus lulus Bahasa Inggeris bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) peringkat UPSR ialah 69.3% pada tahun 2012 dan 71.4% pada tahun 2013 meningkat sebanyak 2.1%. Bagi tahun 2014 pula, peratus calon lulus Bahasa Inggeris UPSR SJK ialah 71.7%, meningkat 0.3% berbanding tahun 2013. Manakala peratus calon lulus pada tahun 2015 mencatat 69.7%. Manakala, pada tahun 2016 peratus calon lulus Bahasa Inggeris SJK yang mencapai Tahap 'Cemerlang' hingga

'mencapai tahap minimum' ialah 87.9% bagi Bahasa Inggeris Pemahaman dan 78.6% bagi Bahasa Inggeris Penulisan.

Berkaitan syarat wajib lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam SPM, KPM masih dalam peringkat perbincangan terutama dalam mengemas kini keperluan-keperluan untuk membolehkan syarat wajib lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris dilaksanakan. Pada masa ini, KPM belum ada cadangan untuk melaksanakan syarat wajib lulus Bahasa Inggeris UPSR.